

## **Penjerapan logam berat Pb, Cu, Ni dan Zn oleh beberapa komponen penting tanah di sekitar Negeri Selangor**

**WAN ZUHAIRI WAN YAACOB & VINCENT NGOO TECK SWEE**  
Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam, Fakulti Sains dan Teknologi,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan

Logam berat iaitu plumbum, kuprum, nikel dan zink kerap dijumpai dalam tanah yang tercemar. Empat jenis sampel tanah dari Selangor telah diambil untuk mewakili beberapa komponen aktif tanah; iaitu bahan liat dari tanah metasedimen di ambil dari Air Hitam, bahan berkapur dari batu kapur Batu Caves, bahan organik dari Syis Bergrafit Ampar Pechah, dan konkresi besi dari Bandar Baru Bangi mewakili bahan amorfus oksida/hidroksida. Ujian Keseimbangan Batch (Batch Equilibrium Test) digunakan untuk mendapatkan data penjerapan logam berat untuk setiap komponen bahan yang dikaji. Hasil menunjukkan yang kadar penjerapan logam berat boleh disusun seperti berikut: bahan berkapur > bahan amorphous > bahan bergrafit > bahan liat. Afiniti terhadap penjerapan logam berat adalah mengikut susunan berikut; Pb>Cu>Ni>Zn.